

Contents

Pg.1 – PASUKAN KHAS MAKMAL COVID-19

HOSPITAL UiTM Newsletter

Issue No 4/2020

SIDANG REDAKSI:

Penasihat:

Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah HUiTM)

Dr Liyana Dhamirah Aminuddin (Ketua Unit Korporat & Komunikasi)

Dr Masri Muhammed (Timbalan Ketua Unit Korporat & Komunikasi)

SIDANG PENGARANG:

Profesor Dr Ariza Adnan (Pakar Perunding Kanan Mikrobiologi Perubatan)

Dr Siti Aisyah Nizar (Pegawai Korporat Komunikasi Dalaman)

En. Hafidz Ab Satar (Pegawai Korporat Komunikasi Luaran)

 hospital.uitm.edu.my

 huitm.unitkorporat@uitm.edu.my

 Hospital UiTM

 huitmofficial

 HUiTMOfficial


 HUiTMOfficial

Assalamualaikum wbt,

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memasuki fasa ke-3 dan data terkini menunjukkan perkembangan positif di mana berlaku peningkatan kes pesakit yang sembuh dan penurunan jumlah kes baharu serta jumlah kematian yang semakin berkurangan. Perkembangan terbaru ini membuktikan keputusan pihak kerajaan untuk meneruskan PKP adalah tepat dan usaha gigih pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menangani COVID-19 membawa hasil.

Kecemerlangan Malaysia dalam menguruskan langkah menangani COVID-19 diakui ciperingkat global. Pengiktirafan yang diberikan oleh China Global TV Network (CGTN) kepada YBhg.Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (antara 3 doktor terbaik dunia) berdasarkan kewibawaan beliau menangani krisis COVID-19 sangat membanggakan rakyat Malaysia.

PASUKAN KHAS MAKMAL COVID-19 KOMITED BANTU KKM TANGANI COVID-19



**Prof. Madya Dr. Siti Hamimah Sheikh Abdul Kadir
Pengarah IMMB**

Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) tidak terkecuali terlibat dalam usaha membantu meringankan beban kerja yang ditangung oleh pihak KKM dalam mengawal penularan wabak COVID-19. Penglibatan PPUiTM bermula apabila satu mesyuarat kerjasama strategik yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Hospital Pengajar Universiti diadakan pada 20 Mac 2020. Mesyuarat telah bersetuju mewujudkan Pasukan Khas Saringan COVID-19 di peringkat nasional. Tujuan pasukan khas ini ditubuhkan adalah untuk melaksanakan ujian saringan COVID-19 diseluruh negara merangkumi 10 makmal diagnostik di hospital pengajar universiti, insitusi pengajian tinggi dan pusat kecemerlangan.

Makmal Diagnostik Mikrobiologi Perubatan di PPUiTM merupakan makmal klinikal yang mempunyai pensijilan akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia dalam pengujian mikrobiologi klinikal. Ianya mempunyai tenaga kerja dan kepakaran dan dikendalikan oleh Ketua Jabatan, Dr Siti Farah Alwani Mohd Nawi. Fasiliti yang sedia ada sebelum ini adalah terhad kepada ujian diagnostik yang tidak melibatkan sebarang ujian molekular.

Manakala, Institute of Medical Molecular Biotechnology (IMMB), Fakulti Perubatan UiTM merupakan institusi multidisiplin penyelidikan molekul dan terbuka untuk kegunaan dalaman iaitu pensyarah dari Fakulti Perubatan dan juga dari fakulti lain di UiTM serta dari universiti luar. Fokus utama institusi ini adalah penyelidikan dan ianya tidak melakukan ujian makmal diagnostik dalam skala yang besar. IMMB dilengkapi dengan peralatan *state of the art* yang berupaya digunakan bagi tujuan penyelidikan dalam bidang genomik, proteomik dan biologi sel molekular. Selain daripada *Molecular Biotech & Bioinformatics Unit*, IMMB juga menempatkan kemudahan fasiliti penyelidikan lain yang merangkumi *Imaging Unit, Cell Culture Unit, Tissue Culture Unit dan Embryo Reproduction Research Initiative*. IMMB diuruskan oleh Pengarah, Prof. Madya Dr. Siti Hamimah Sheikh Abdul Kadir.

Berikut mesyuarat di peringkat Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Kementerian Pengajian Tinggi; PPUiTM diarah untuk membantu KKM bagi menjalankan ujian-ujian COVID-19 ke atas sampel-sampel yang tertunggak di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan. Atas dasar kepentingan perkhidmatan, maka Makmal Diagnostik Mikrobiologi Perubatan PPUiTM dan Institute of Medical Molecular Biotechnology (IMMB) telah bergabung tenaga untuk memulakan perkhidmatan ujian diagnostik COVID-19 bagi meringankan beban kerja KKM. Ini dilakukan dengan penggembangan tenaga oleh para pensyarah yang berkemahiran dalam bidang molekular dan staf-staf sokongan dari PPUiTM dan Fakulti Perubatan. Kerjasama inilah yang membawa kepada penubuhan Pasukan Khas Makmal COVID-19 HUiTM yang diketuai Profesor Dr Ariza Adnan, Pakar Perunding Kanan Mikrobiologi Perubatan melalui pelantikan beliau oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



Dr Siti Farah Alwani Mohd Nawi
Ketua Jabatan Makmal
Diagnostik Mikrobiologi

**Pasukan Khas
Makmal Covid 19
diketuai
Profesor
Dr Ariza Adnan**

Dalam kesiapsiagaan Pasukan Khas Makmal COVID-19 HUiTM untuk memulakan perkhidmatan saringan ujian COVID-19, staf utama (*key personnel*) telah dihantar untuk menjalani latihan di Makmal Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK). Latihan di peringkat dalaman turut diadakan sebelum mereka terlibat dalam operasi ini sepenuhnya. Walaupun perwujudan makmal ini adalah dalam waktu yang singkat, pihak Pasukan Khas Makmal COVID-19 memastikan *Quality Assurance* tetap dipenuhi. *Standard Operating Procedure* disediakan dan staf sentiasa diingatkan tentang aspek keselamatan terutamanya dalam mematuhi pemakaian *personal protective equipment* (PPE) yang bersesuaian dengan risiko pendedahan (*risk of exposure*) sewaktu menjalankan tugas di makmal.

Secara rasminya pasukan ini memulakan ujian diagnostik COVID-19 pada 3 April 2020. Sampel yang diterima adalah dari Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Ipoh dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Kota Kinabalu. Purata sampel yang diterima adalah di antara 150-200 sampel sehari. Waktu bertugas staf dibahagikan kepada dua syif; syif pertama pada pukul 8 pagi sehingga 2 petang dan syif kedua pada pukul 2 petang sehingga 8 malam. Makmal beroperasi setiap hari (Isnin-Ahad). Keputusan ujian berjaya disiapkan dalam tempoh 24 hingga 48 jam dan semua keputusan dimaklumkan melalui sistem atas talian yang disediakan oleh pihak KKM. Makmal Khas COVID-19 HUiTM telah ditetapkan untuk menjalankan sejumlah bilangan ujian untuk jangkawaktu yang tertentu dengan peruntukan sebanyak RM 1,188 000.00. Sehingga kini, hampir 3000 ujian telah dijalankan.

Pasukan Khas Makmal COVID-19 HUiTM komited membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dan bangga menjadi sebahagian daripada petugas kesihatan dalam menangani wabak COVID-19 di negara ini.

